

Selagi tidak langgar garis panduan ditetapkan

# Majlis Fatwa tak halang poco-poco

Oleh **NAZMIL NASIRUDDIN**  
pengarang@utusan.com.my

**SEPANG** 22 April - Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini memutuskan tidak menghalang tarian poco-poco daripada dijadikan aktiviti senaman di kalangan umat Islam selagi ia tidak melanggar Garis Panduan Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu yang telah ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata,

keputusan tersebut dibuat memandangkan tarian poco-poco yang diamalkan sebagai salah satu aktiviti senaman itu bertujuan menjaga kesihatan.

Menurutnya, garis panduan yang dikeluarkan sejak 2007 itu menetapkan antaranya orang Islam perlu menjaga adab pergaulan lelaki dan perempuan, pakaian serta tidak melibatkan sebarang bentuk ritual pemujaan orang bukan Islam.

“Meskipun begitu, umat Islam perlu berhati-hati. Jika ia tidak melanggar garis panduan dan bertujuan menjaga kesihatan, kita tiada ha-

langan mengenainya,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengekus muzakarah tersebut di Hotel Pan Pacific KLIA di sini hari ini.

Hadir sama dalam muzakarah yang diadakan sejak Rabu lalu itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Othman Mustapha.

Beliau mengulas keputusan Jawatankuasa Fatwa Perak yang mengharamkan tarian itu seperti yang diumumkan Muftinya, Tan Sri Harussani Zakaria baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Harussani ketika dihubungi berkata,

pihaknya tetap dengan keputusan mengharamkan tarian poco-poco di Perak.

Beliau yang turut menghadiri muzakarah itu berkata, keputusan tersebut dibuat kerana terdapat aduan dan pertanyaan daripada persatuan Islam di Perak mengenai pelanggaran garis panduan tarian tersebut.

“Selepas itu kajian dibuat dan didapati ada unsur itu. Negeri-negeri lain tiada permintaan untuk mengkaji tarian tersebut, sebab itu tiada fatwa mengenainya dibuat,” katanya.

Dalam pada itu, mengenai penggunaan vaksin *Mencevax* yang digunakan oleh jemaah haji dan umrah, Abdul Shukor berkata, umat Islam dinasihatkan untuk terus memilih vaksin sedia ada kerana ia telah dibuktikan keberkesannya berdasarkan pengalaman sebelum ini.

“Kita tidak perlu ragu-ragu menggunakan vaksin sedia ada kerana ia dibenarkan. Penghasilannya sekarang juga lebih baik ditambah pula kosnya yang lebih munasabah biarpun terdapat permohonan pembekalan vaksin *Menvio* daripada syarikat lain,” katanya.